

Qalam

Bilangan 43- Februari 1954- Jamadilawal- 1373-60 Sen

Hapuskan Anasir-anasir Komunis

Yang Maha Mulia Sultan Perak di dalam ucapannya di majlis Mesyuarat Agama Islam Perak baru-baru ini telah memuji ulama-ulama di negeri Perak yang telah mendidik semangat Islam kepada rakyat negeri Perak yang hasilnya dapat menyelamatkan rakyat daripada ancaman “komunis-komunis” Islam.

Sebelum memberi fikiran kita kepada ucapan itu maka molek benar rasanya terlebih dahulu di sini kita mengesah apa yang dimaksud oleh yang Maha Mulia itu dengan perkataan “menyelamatkan rakyat daripada ancaman “komunis-komunis” Islam.

Oleh kerana pada masa-masa yang lalu kerap kali menjadi buah tutur bahawa seseorang yang membawa fahaman yang bersandar kepada al-Quran dan al-Hadis, yang banyak di negeri Perak itu, dituduh sebagai “komunis” dengan kerana mereka pernah menentang fahaman-fahaman taklid maka kita suka hendak mengetahui adakah cap “komunis-komunis” Islam itu ditujukan kepada mereka. Tetapi apabila dikaitkan dengan perkataan-perkataan yang terdahulu daripadanya maka akan nampak kepada kita bahawa adakah sesuatu ancaman yang didatangkan oleh mereka itu kepada keselamatan orang-orang Islam dan negeri ini? Jawabnya sedah terang tidak ada kerana keyakinan dan tawhid mereka itu pada mengesakan Allah Subhānahu wa Ta‘ālā, beriman kepada al-Quran dan seumpamanya tidak ada berubah -hanya ada terjadi perselisihan-perselisihan faham sahaja yang dinamakan masalah khilafiah yang termasyhur itu. Dengan keadaan ini sudah tentu tidak ada sesuatu pun yang menjadikan kita syak bahawa tujuan perkataan itu hakikatnya, kepada orang-orang

yang seumpama itu. Oleh itu tentulah yang ditujukan ialah kepada orang-orang yang berupa Islam yang menjalankan ikhtiar-ikhtiar mendakyahkan komunis atau mengikut ajaran-ajaran komunis di tanah air kita ini.

Dengan pengertian ini, jika benar sangkaan kita. Maka yang Maha Mulia Sultan Perak telah menyatakan kepada am bahawa dalam beberapa masa ini, di negeri Perak, rupanya telah ada banyak, atau sekurang-kurangnya nada., komunis-komunis yang terdiri daripada orang-orang Islam yang menjalankan usahanya untuk mengancam atau mengugat orang-orang Islam di sana dan yang Maha Mulia itu telah gemar dan sukacita mendapat bahawa ulama-ulama di Perak telah berjaya menyelamatkan rakyat daripada ancaman itu.

Dengan ini zahir bahawa dengan terang merbahaya itu masih ada lagi dengan adanya bahaya-bahaya itu maka adalah menjadi suatu kewajipan bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah mengeluarkan perbelanjaan yang sebegini banyak untuk menghapuskan pengganas-pengganas yang berfaham komunis itu, meluaskan lagi langkah-langkahnya, menjalankan usaha-usahanya supaya jangan ada anasir-anasir komunis merasuk perasaan orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Kerajaan wajib menjalankan usahanya di dalam perkara ini dengan cukup cermat dan cukup perhatian ke atas tiap-tiap gerak geri mereka sebab mereka adalah hidup bersama-sama orang Islam, bernama Islam, berbin Islam, kahwin secara Islam dan ada pula masuk pura-pura sembahyang untuk menarik hati rakyat tetapi di sebalik itu. Ia menarik orang tidak bertuhan, anti-agama bencikan kepada kebaikkan yang dibuat, tidak berpuas hati di dalam apa-apa juga melainkan negeri itu terletak di bawah bendera komunis.

Kawalan ke atas orang-orang Islam daripada pengaruh dan anasri komunis ini adalah sangat mustahak dijaga dan dikawal dengan keras dan teliti supaya orang-orang Islam yang kurang pengertiannya di dalam Islam tidak terpengaruh

atau terikut-ikut dengan aliran-aliran fasik yang dibawa oleh mereka itu.

Kita berharap supaya kerajaan menunaikan kewajipannya, menggunakan kekuasaannya untuk menghapuskan anasir-anasir komunis yang dibawa dan dimasukkan ke dalam jiwa orang-orang Melayu yang beragama Islam, dan di sebalik itu kita berharap kerajaan membantu segala tugas-tugas yang dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan agama untuk menjauhkan pengikut-pengikutnya, umat Islam, daripada terpengaruh dengan anasir-anasir itu iaitu dengan meluaskan pelajaran-pelajaran agama, baik untuk kanak-kanak ataupun bagi orang-orang dewasa.

Suatu Capik

Baru-baru ini telah heboh di dalam akhbar mengatakan bahawa Majlis Wanita Singapura yang diketuai oleh Nyonya Syirin Pozda dikatakan telah menyampaikan satu rang undang-undang kepada kerajaan Singapura menuntut supaya mengharamkan lelaki berkahwin lebih daripada satu dan menegah perkahwinan muda.

Keadaan ini bukannya sahaja menggemparkan orang-orang Islam di Singapura bahkan telah menggemparkan juga orang-orang Islam di Tanah Melayu oleh kerana mereka terasa bahawa undang-undang atau kelulusan yang diberi kepada mereka oleh Allah yang Maha Berkuasa akan cuba diubah oleh seorang perempuan yang dikatakan bukan daripada orang Islam dan bukan pula menuntut di atas nama Islam-kerana pertubuhan Majlis Wanita itu bukannya pertubuhan wanita Islam.

Tetapi di sebalik itu, langkah-langkahnya yang tidak menyenangkan hati orang-orang Islam ialah perihalnya berikhtiar bersungguh-sungguh menarik perempuan-perempuan Melayu yang beragama Islam menyertai segala usaha dan kerjanya menyampaikan tujuan yang dijalankan oleh mereka.

Di dalam perkara ini kita berasa wajib, dengan tidak payah memberi hujah-hujah, mengingatkan kepada saudara-saudara kita kaum Muslimin supaya terjauh daripada dakyah yang dijalankan itu. Kita wajib menentukan terlebih dahulu adakah tuntutannya itu

di atas nama Islam? Jika di atas nama Islam wajib kita tentang!


Tetapi sepanjang yang ada maka zahir tuntutan itu buka daripada tuntutan golongan Islam maka dengan itu adalah menjadi kewajipan bagi orang-orang kita jangan gentar kepada tuntutan itu kerana tidak ada sesuatu undang-undang yang mengenai hal ehwal orang-orang Islam akan dijalankan melainkan terlebih dahulu ditanya fikiran daripada orang-orang Islam atau tubuh yang diberi tanggungjawab oleh kerajaan di dalam perkara ini-yakni pertubuhan tempat kerajaan meminta persetujuan atau fikiran sesuatu perkara yang mengenai orang-orang Islam.

Sekarang kita telah melihat bahawa Majlis Penasihat

Islam telah menetapkan perdiriannya menolak sebarang langkah yang mengubah hukum-hukum Islam itu maka tidaklah sayogianya bagi kita khuatir lagi. Biarkan Nyonya Syirin Pozda ribut dan borsorak sorai di dalam akhbar namun kita percaya bahawa kerajaan di negeri ini tidak akan mengacau perkara-perkara agama seperti nikah kahwin yang dijalankan oleh masing-masing agama melainkan terlebih dahulu dengan persetujuan daripada agama itu.

Saya Qassim bin Haji Junid

tinggal di nombor 75 Greenhill
Singapura suka dan dengan inilah
mengucapkan setinggi terima kasih
dan kegemaran saya kepada usaha
dan ikhtiar Tuan Tabib
Mustaffa menyembuhkan penyakit



buasir yang telah saya mengidap selama tiga tahun dengan tiada memotongnya. Sesiapa yang



berpenyakit buasir silalah dapatkan:
Tabib H. G. Mustaffa,
PUNJAB MEDICAL HALL,
280, Victoria Street,
Singapore 7.